

Pihak berkuasa pantas bersih kawasan

Kuala Selangor: Pihak berkuasa bertindak pantas apabila melakukan kerja pembersihan longgokan tong bahan kimia yang terbakar di tapak pemuangan sampah haram di Jalan Kapar Batu 16, Kampung Tambak Jawa di sini.

Tinjauan Harian Metro mendapati, kawasan terbabit ditutup sepenuhnya daripada orang awam dan dikawal rapi polis.

Difahamkan, pasukan forensik polis menjalankan siasatan di lokasi kejadian bagi mengenal pasti dalang dalam insiden kebakaran berkenaan.

Sementara itu, Ketua Unit Pengurusan Bencana Selangor

or (UPBN), Ahmad Fairuz Mohd Yusof berkata, pihaknya menjalankan pemantauan dan penilaian tahap risiko menggunakan 'drone'.

"Kita juga menjalankan kerja menggali parit sementara bagi memastikan kebakaran sisa bahan kimia tidak merebak ke kawasan lain.

"Malah, syarikat pembersihan iaitu Kualiti Alam Sdn Bhd akan mengambil alih untuk melaksanakan proses pembersihan setelah proses forensik polis selesai," katanya.

Beliau berkata, proses pembersihan tapak dijangka mengambil masa kira-kira seminggu.

Bina parit penghalang

Kuala Selangor: Pihak berkuasa akan membina parit sementara di sekitar kawasan kebakaran bahan kimia di Jalan Kapar Batu 16, Kampung Tambak Jawa di sini, sebagai langkah pencegahan awal.

Ketua Unit Pengurusan Bencana Selangor (UPBN), Ahmad Fairuz Mohd Yusof berkata, pihaknya kini menunggu penilaian oleh Unit Kualiti Alam Sekitar sebelum melupuskan sisa bahan berkenaan.

Menurutnya, sehingga kini anggota bomba masih berada di lokasi bagi memantau kawasan terbabit.

"Sebaik saja selesai proses pemataman, satu mesin pengorek akan masuk ke kawasan itu untuk melakukan kerja pengorekan parit sementara (parit penahanan).

"Parit berkenaan akan bertindak sebagai penghalang supaya sisa kimia itu tidak merebak ke tempat lain sebelum kita mengetahui kaedah sesuai untuk melupuskan bahan berkenaan," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, pihaknya menerima aduan mengenai kewujudan ratusan tong bahan kimia itu daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor pada Rabu lalu dan segera mengambil sampel untuk dihantar ke Jabatan Kimia.

"Pelupusan tidak boleh dilakukan tanpa mengetahui jenis bahan kimia kerana dikhuatiri akan menjejaskan penduduk sekitar kawasan berkenaan," katanya.

TONG bahan kimia yang berselerakan selepas api dipadamkan.



Bomba sudah jumpa lebih awal

Kuala Selangor: Sebanyak 244 tong berisi bahan kimia yang ditemukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di tempat pemuangan sampah haram di Jalan Kapar Batu 16, Kampung Tambak Jawa di sini, Rabu lalu tidak sempat dilupuskan Jabatan Alam Sekitar (JAS) apabila ia meletup dan terbakar, awal pagi semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Hafisham Mohd Noor berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 2.42 petang 20 November lalu dan sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Selangor dikejar ke lokasi kejadian.

Menurutnya, pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) dari BBP Shah Alam turut dikerahkan ke lokasi kejadian.

"Selepas ujian dan pemeriksaan dijalankan terhadap bahan kimia itu didapati bacaan pH adalah di antara lima hingga tujuh serta tidak berbahaya kepada kawasan sekitar.

"Hazmat menggunakan gasmet untuk bacaan di ka-

wasan sekitar bagi memastikan tiada kawasan terdedah dengan bahan kimia melalui udara dan sebagainya," katanya kepada Harian Metro.

Hafisham berkata, kes seterusnya diserahkan kepada JAS untuk tindakan pelupusan bahan berkenaan.

Sementara itu, Harian Metro difahamkan ada dua lokasi pemuangan sisa bahan kimia di sekitar kawasan berkenaan.

Sumber berkata, di lokasi kebakaran awal pagi tadi ada 244 tong dan 14 daripadanya didapati tumpah dan bocor manakala di lokasi kedua ada 24 tong bahan kimia.

"Jarak antara kedua-dua lokasi pemuangan sisa terbabit kira-kira 500 meter.

"Jarak penempatan terdekat dengan lokasi terbabit 150 meter hingga 200 meter dan radius bau pula adalah sehingga 200 meter," katanya.

Dalam kejadian pada jam 3.29 pagi itu, seramai 15 anggota bomba dari BBP Kuala Selangor dan Kapar dikejar ke lokasi kejadian.

Kebakaran berjaya dipadamkan sepenuhnya pada jam 5.58 pagi dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan.



PIHAK berkuasa mengawal rapi lokasi kejadian.

